

CNS9880

U GB 31-05 00157 BH111

bah

Mahathir - Politik

ELAK POLITIK KEDAERAHAN UNTUK KEBAIKAN NEGARA, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 31 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan masyarakat supaya tidak mengamalkan politik kedaerahan kerana ia tidak sihat untuk negara ini yang mempunyai rakyat berbilang bangsa.

Perdana Menteri berkata mereka seharusnya memberi lebih tumpuan kepada perpaduan semua kaum, negeri, bangsa dan agama kerana hanya dengan itu sahaja dapat membangunkan negara dan mengatasi pelbagai cabaran sama ada dari luar atau masalah dalaman.

"Kita tidak boleh main politik kedaerahan, politik parokial seperti itu... kerana ini tidak sihat untuk negara," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas perkembangan politik di Sabah, pada majlis rumah terbuka sempena Hari Raya Aidil Adha di kediamannya di Titi Gajah di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, sekiranya masyarakat boleh bekerjasama dengan melibatkan semua kaum, mereka boleh membangunkan negara ini sehingga menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020. -- Lagi.

▼31/05/15-59MST

CNS9883

U GB 31-05 00141 BH112

bah

Mahathir - Politik 2 Alor Setar

Katanya, parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) di Sabah semakin popular serta mendapat sokongan yang lebih baik.

Beliau berkata ramai rakyat Sabah daripada berbilang kaum turut datang pada majlis-majlis yang dihidirinya di negeri itu semalam.

"Kalau mereka tidak dihasut saya yakin mereka akan lebih cenderung kepada BN," katanya.

"Tetapi dalam pilihan raya ini, tak tahulah, kadang-kadang kita buat ramalan macam ini, dia jadi macam itu," katanya.

Semasa menjawab pertanyaan, Dr Mahathir berkata, masih ada penghasut di Sabah ketika ini.

"Ini kerana dia nampak dia berjaya menghasut pemimpin USNO sehingga mereka itu yang sebenarnya menang kerana bantuan daripada UMNO tetapi sekarang kerana pelawaan untuk memegang jawatan menteri dengan gaji yang tinggi mereka sudah sanggup terima, dan mereka akan terus dengan cara ini," katanya. -- Lagi.

▼31/05/16-12MST

CNS9887

U GB 31-05 00169 BH113

bah

Mahathir - Politik 3 Alor Setar

"Kita tak boleh nak lawan dengan mereka daripada segi penggunaan hasutan, sogokan dan sebagainya, hanya yang kita boleh buat ialah menjelaskan bahawa cara itu tidak sihat dan akhirnya membawa keburukan kepada Sabah," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata keadaan di Sabah sekarang jelas menunjukan negeri itu dalam keadaan bertambah buruk kerana ramai yang terpengaruh dengan hasutan dan tawaran daripada Parti Bersatu Sabah (PBS).

Ketika ditanya sama ada tawaran itu suatu bentuk rasuah, Dr Mahathir berkata tawaran itu mungkin merupakan suatu rasuah tetapi terpulang kepada mahkamah kalau ada dakwaan.

Mengenai perkembangan UMNO di Sabah, Dr Mahathir yang juga Presiden parti itu berkata, UMNO diterima oleh kebanyakan rakyat Sabah dan parti itu sedia menghadapi pilihan raya di negeri itu.

Perdana Menteri juga menasihati semua anggota UMNO dan masyarakat keseluruhannya supaya tidak terlalu ghairah dengan pemilihan parti November ini kerana ia merupakan pemilihan biasa dan tidak kena mengena dengan pilihan raya umum akan datang. -- Lagi.

▼31/05/16-19MST

CNS9895

U GB 31-05 00130 BH114

bah

Mahathir - Politik 4 (Akhir) Alor Setar

"Pemilihan ini macam yang lain juga dan ia tidak kena mengena dengan pilihan raya umum, ia cuma pemilihan dalam parti sahaja," katanya.

Beliau juga berkata, sekiranya rakyat Sabah dan Kelantan masih menolak BN, itu adalah hak mereka.

"Kita nak tawar pemerintahan yang begitu baik bagi mereka, tapi kalau mereka nak tolak itu hak mereka, dan kalau mereka rugi jangan kata kenapa kerajaan pusat tidak menolong," katanya.

"Kita tetap menolong kerajaan negeri yang berbaik dengan kita, apa sebab kita nak tolong kerajaan yang menentang kita, dan bila kita tolong, mereka akan kata tengok mereka terpaksa tolong juga, kalau dia nak buat lagak macam itu kita tak akan tolong," katanya. -- Bernama.

IQ AZ.